

PROSEDUR RAYUAN MAL DI MAHKAMAH SYARIAH: ANALISIS DARI SUDUT UNDANG-UNDANG DAN HUKUM SYARAK

(MAL APPEAL PROCEDURE IN SYARIAH COURT: AN ANALYSIS FROM
THE POINT OF VIEW OF LAW AND ISLAMIC LAW)

¹Mohd Afizul Hakim Ibakarim*

²Noor Aziah Mohd Awal

³Mohd Al Adib Samuri

¹Pelajar pascasiswazah, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Profesor, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Pesuruhjaya
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

³Profesor Madya, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

*Pengarang koresponden: afizulhakim@gmail.com**

ABSTRAK

Rayuan merupakan salah satu prosedur yang terdapat di dalam statut tatacara mal di Mahkamah Syariah di semua negeri di Malaysia. Prosedur rayuan sesuai dilaksanakan bagi pihak yang terkilan dengan keputusan mahkamah. Walau bagaimanapun, persoalan sejauh mana perbezaan bidang kuasa mendengar rayuan di mahkamah syariah dan penerimaan syarak terhadap prosedur rayuan di dalam statut tatacara mal di Mahkamah Syariah adalah sesuatu yang wajar dibincangkan. Penulisan ini menjelaskan perbezaan bidang kuasa mendengar rayuan di mahkamah syariah dan menganalisis peruntukan prosedur rayuan yang bersesuaian dengan hukum syarak. Penulisan ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan perundangan tulen bagi mengumpulkan data untuk dianalisis dengan menggunakan metode analisis kandungan. Kajian menunjukkan terdapat perbezaan bidang kuasa mendengar rayuan Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah di dalam Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dan Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018. Selain itu, setiap prosedur rayuan di dalam statut tatacara mal di Mahkamah Syariah mempunyai asas syarak. Penulisan ini juga menunjukkan kepentingan memahami perbezaan bidang kuasa mendengar rayuan dan penerimaan syarak bagi setiap prosedur rayuan untuk pengamal undang-undang Syariah di Malaysia.

Kata kunci: Rayuan; Bidang kuasa; Prosedur; Hukum Syarak; Mahkamah Syariah.

ABSTRACT

Appeal is one of the procedures found in the statute relating to the Mal procedure in the Syariah Court in all the states in Malaysia. Appeal procedures are established for the aggrieved parties by court decision. However, to the extent of the difference in jurisdiction to hear appeals in the syariah Court and whether it is in accordance to hukum syarak that such appeal be heard, should be discussed and analyzed. This paper explains the differencet jurisdiction of the court to hear appeals and to analyze the provisions of the appeal procedure in the Mal Procedure Enactment, accordance with Hukum syarak This paper uses pure literature and legal research methods to collect data to be

analyzed using content analysis methods. The study shows that there are differences in the jurisdiction to hear appeals of the Syariah High Court and the Syariah Court of Appeal in the administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993 and the Syariah Court (Perak) enactment 2018. Every appeal procedure in the Enactment of the Mal procedure in the Syariah Court is based on hukum syarak. This paper also highlights the importance of understanding the courts' jurisdiction of hearing appeals and basis of hukum syarak for each appeal procedure to all Shariah law practitioners in Malaysia.

Keywords: Appeal; Jurisdiction; Procedur; Islamic law; Syariah Court.

PENGENALAN

Rayuan lazimnya dikemukakan oleh pihak yang tidak berpuas hati atau terkilan dengan keputusan yang diputuskan oleh mahkamah serta rayuan akan didengar di mahkamah yang lebih tinggi (Siti Zubaidah, 2016). Dalam menegakkan keadilan, hak pihak-pihak untuk merayu sesuatu keputusan mahkamah telah diberi oleh undang-undang di mana mahkamah yang lebih tinggi atau mahkamah atasan akan mendengar dan memutuskan rayuan yang dikemukakan bagi menjamin hak pihak-pihak yang bertikai (Mohd Nadzri, 2010). Tujuan rayuan adalah untuk melindungi pihak-pihak yang terkilan dalam sesuatu perbicaraan daripada kesilapan-kesilapan yang mungkin dibuat oleh hakim (Zulfikri, 2013). Sementara itu, rayuan juga membolehkan mahkamah yang lebih tinggi memastikan keseragaman keputusan di peringkat mahkamah bawahan (Carrington, 1976).

Adalah suatu yang sudah kukuh di sisi perundangan yang mahkamah syariah di setiap negeri di Malaysia mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan dari keputusan mahkamah yang lebih rendah. Mahkamah yang dimaksudkan adalah Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Utama Syariah khusus di Negeri Perak. Setiap peringkat mahkamah yang mendengar rayuan tersebut mempunyai bidang kuasa yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Begitu juga dengan prosedur, sebelum pihak-

pihak mahu memfailkan sesuatu permohonan rayuan di salah satu peringkat mahkamah yang mendengar rayuan, pihak-pihak perlu melalui beberapa proses rayuan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Oleh itu, rayuan adalah ketidakpuasan hati salah satu pihak terhadap sesuatu keputusan mahkamah dan ingin membuat penelitian semula di mahkamah yang lebih tinggi.

Mohamed Yusof (1988) dan Busro (1996) membincangkan tentang konsep rayuan dalam kehakiman Islam dan bidang kuasa rayuan di mahkamah syariah. Selain itu, terdapat penulisan mengenai prosedur rayuan di mahkamah syariah oleh Ahmad (1997), Intan Juliana (2001), Azmee & Wan Abdul Fattah (2013). Walau bagaimanapun, kajian terdahulu tidak membincangkan tentang bidang kuasa mendengar rayuan di mahkamah syariah secara khusus dan prosedur rayuan yang bertepatan dengan hukum syarak, tetapi memfokuskan kepada bidang kuasa rayuan secara umum dan prosedur rayuan sahaja. Justeru itu, artikel ini akan mengupas kelompangan tersebut dengan menjelaskan perbezaan prosedur rayuan dari sudut bidang kuasa dan menganalisa sejauh mana prosedur rayuan ini bertepatan dengan hukum syarak.

Artikel ini diharap dapat memberi pendedahan kepada pengamal undang-undang, khususnya pengamal undang-undang syariah bahawa terdapat perbezaan antara bidang kuasa mendengar rayuan di setiap peringkat di mahkamah syariah di

Wilayah Persekutuan dan Negeri Perak dan setiap prosedur rayuan di dalam Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah mempunyai asas dalam hukum syarak. Penulis akan merujuk tiga undang-undang iaitu Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dan Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 serta Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, Artikel ini akan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan prosedur rayuan dari sudut bidang kuasa mendengar rayuan di dalam Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 dan Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018 dan setiap prosedur rayuan yang terdapat dalam Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 mempunyai asas dalam hukum syarak.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi tujuan penulisan artikel ini, metod kajian yang digunakan adalah kajian kualitatif, iaitu kajian perundangan tulen dengan menjelaskan bidang kuasa mendengar rayuan yang terdapat di setiap peringkat mahkamah yang mendengar rayuan serta mengkaji prosedur rayuan dalam konteks undang-undang yang bertepatan dengan hukum syarak. Artikel ini menggunakan analisis kandungan bagi memperolehi data yang diperlukan. Analisis dokumen dilakukan dengan membuat penelitian terhadap sumber-sumber primer dan sekunder lain seperti tesis, jurnal, dan kitab yang berkaitan dengan tajuk artikel ini.

PROSEDUR RAYUAN DARI SUDUT BIDANG KUASA DI MAHKAMAH SYARIAH

Mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa mendengar rayuan masing-masing sebagaimana yang diperuntukkan di dalam

Akta/Enakmen Pentadbiran Agama Islam atau Enakmen Mahkamah Syariah negeri masing-masing. Lazimnya bidang kuasa mendengar rayuan di setiap negeri di Malaysia adalah sama kecuali negeri Perak kerana terdapat beberapa pindaan. Apabila membincangkan mengenai bidang kuasa dan prosedur rayuan di mahkamah syariah dalam artikel ini, penulis akan menggunakan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018 dan Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 sebagai asas perbincangan khusus berkaitan bidang kuasa dan prosedur rayuan. Penulis memilih Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018 dan Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 kerana akta ini merupakan model undang-undang kepada semua negeri-negeri di Malaysia. Sementara itu, penulis memilih Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018 adalah merupakan Enakmen Mahkamah Syariah yang telah membuat banyak pindaan dan penambahbaikan berbanding akta/enakmen negeri-negeri lain termasuk pengwujudan Mahkamah Syariah Utama. Oleh itu, penulis akan membuat perbezaan ke atas kedua-dua akta dan enakmen tersebut dari sudut bidang kuasa rayuan di setiap peringkat mahkamah.

BIDANG KUASA RAYUAN DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH

Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar rayuan dari keputusan yang diputuskan oleh Mahkamah Rendah Syariah. Bidang kuasa mendengar rayuan Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan telah diperuntukkan di bawah seksyen 48 (1) (b) (i) (ii) & (iii) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Manakala bidang kuasa mendengar rayuan

Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Perak telah diperuntukan di bawah seksyen 18 (1) (b) (i) (ii) & (iii) Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018. Bidang kuasa rayuan tersebut terpakai kepada pihak yang tidak berpuas hati terhadap apa-apa keputusan yang diputuskan oleh Mahkamah Rendah Syariah. Bidang kuasa menyebut setiap keputusan yang dirayu mestilah mempunyai kaitan dengan jumlah amaun, taraf diri dan nafkah orang tanggungan. Perbezaan antara bidang kuasa mendengar rayuan Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan dan Perak boleh dilihat pada amaun keputusan yang hendak dirayu iaitu di Wilayah Persekutuan sebanyak tidak kurang daripada RM1000.00 dan Negeri Perak pula tidak kurang daripada RM3,000. Selain itu, bidang kuasa yang melibatkan keputusan mengenai taraf diri oleh pihak yang tidak berpuas hati akan keputusan tersebut masih lagi sama dan tiada sebarang pindaan. Sementara itu, bidang kuasa berkaitan dengan nafkah tanggungan oleh mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah rendah masih lagi sama dan tiada sebarang pindaan. Namun, sesuatu rayuan tidak boleh dibuat terhadap keputusan yang telah dipersetujui oleh mana-mana pihak dalam semua kes kecuali dengan kebenaran dari Mahkamah Tinggi Syariah. Hal ini bertepatan dengan Arahan Amalan No. 4 Tahun 2011 yang menyatakan bahawa kesan perjanjian persetujuan dalam majlis Sulh yang menepati kehendak hukum syarak tidak boleh ditarik balik atau dirayu oleh mana-mana pihak sekiranya persetujuan tersebut telah direkodkan dan dijadikan sebagai perintah mahkamah. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa bidang kuasa mendengar rayuan Mahkamah Tinggi Syariah bagi kedua-dua enakmen tersebut masih lagi sama peruntukannya tetapi perbezaan pada jumlah amaun rayuannya.

Keputusan kes rayuan yang menggunakan peruntukan bidang kuasa rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah boleh dilihat dalam kes tuntutan nafkah isteri dan anak. Dalam kes *Sri Utama Dewi Kasman lwn Abu Bakar bin Abdullah [2010] BHG. 1. JH 30*. Perayu telah memfailkan rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur kerana tidak berpuas hati dengan keputusan yang diputuskan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur berhubung kes nafkah isteri dan nafkah anak. Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur membenarkan permohonan perayu dan membatalkan keseluruhan keputusan kes yang telah diputuskan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan dalam kes mal bilangan 14004-018-0417-2005 & 14004-024-0416-2005 pada 20 Oktober 2006 bahawa hakim bicara telah memutuskan kes ini dengan tidak meluluskan dan menolak kedua-dua tuntutan perayu. Pada 3 November 2006, Plaintiff telah merayu kes ini dengan memfailkan notis rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur berhubung dengan keputusan kedua-dua kes tersebut. YA Hakim, Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur dalam alasan penghakimannya menyatakan dua (2) faktor utama rayuan ini diterima iaitu, pertama; hakim bicara telah gagal untuk mengambil kira berkenaan dengan tindakan responden yang telah keluar daripada rumah mulai 30 April 2005 dan kegagalan responden selaku suami serta bapa bagi menyediakan keperluan nafkah kepada isteri dan anaknya. Kedua; mahkamah mendapati bahawa hakim bicara telah gagal untuk menggunakan pendekatan ijtihadnya dalam mengambil kira akan keperluan perayu dan anak ke atas nafkah yang selayaknya ke atas mereka. Daripada penerangan kes di atas jelaslah bahawa perayu dalam kes ini

menggunakan bidang kuasa rayuan di bawah seksyen 48(1)(b)(iii) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 untuk memfailkan notis rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur. Kemudian YA Hakim, Mahkamah Tinggi Syariah telah membatalkan keputusan Hakim, Mahkamah Rendah Syariah dengan alasan-alasan yang dinyatakan sebelum ini dan membenarkan rayuan perayu bahawa responden diperintahkan membayar nafkah isteri sebanyak RM700.00 sebulan nafkah anak sebanyak RM300.00 sebulan mulai April 2005.

BIDANG KUASA RAYUAN DI MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH

Mahkamah Rayuan Syariah diberi kuasa untuk mendengar rayuan atau mendengar permohonan kebenaran merayu dari keputusan yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah. Bidang kuasa mendengar rayuan Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan telah diperuntukan di bawah seksyen 52 (1) (2) & (3) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dan bidang kuasa mendengar rayuan Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Perak telah diperuntukan di bawah seksyen 22 (1) (2) (3) (4) (5) & (6) Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018. Perbezaan pada bilangan hakim yang mendengar permohonan kebenaran merayu iaitu di Negeri Wilayah Persekutuan menyatakan semua Hakim Mahkamah Rayuan Syariah boleh mendengar permohonan kebenaran merayu manakala di Negeri Perak hanya seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah sahaja yang boleh mendengar permohonan kebenaran dalam memutuskan persoalan undang-undang berkepentingan awam yang timbul semasa prosiding rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah berkaitan keputusan rayuan.

Lebih penting lagi, Mahkamah Rayuan Syariah perlu mendengar dan memutuskan persoalan yang dirujuk kepadanya untuk memutuskan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dengan adil dalam menyelesaikan sesuatu kes rayuan setelah kebenaran merayu diberikan oleh Mahkamah Rayuan Syariah.

Peruntukan prosiding kes rayuan yang masih belum selesai. Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan dalam bidang kuasanya tidak memperuntukkan berkaitan tindakan sesuatu prosiding kes rayuan yang masih belum selesai, tetapi dalam seksyen 22 (4) Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018 ada memperuntukkan seorang Hakim Mahkamah rayuan Syariah boleh mendengar sesuatu prosiding yang masih belum selesai sekiranya terdapat arahan yang tidak melibatkan keputusan prosiding, perintah interim untuk mengelakkan daripada berlaku kemudaratan pihak-pihak sementara menunggu pendengaran prosiding rayuan, perintah jaminan kos dan menolak sesuatu prosiding rayuan atas keengganan memberikan jaminan. Kemudian, sesuatu permohonan boleh dibuat dalam tempoh 10 hari sekiranya terdapat pihak yang tidak berpuas hati dengan perintah setelah keputusan itu disampaikan, disahkan, diubah atau dilepaskan oleh mahkamah.

Keputusan kes rayuan yang menggunakan peruntukan bidang kuasa rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah boleh dilihat dalam kes berkaitan pengesahan hibah. Dalam kes *Abdul Hamid bin Masidullah lwn. Norehan binti Abdul Jabbar [2022] BHG 1 JSP*. Perayu telah memfailkan notis rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah Ipoh terhadap suatu keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh yang mengesahkan hibah lisan yang dibuat oleh simati Allahyarham Abdul Jabar bin Masidullah

kepada responden Norihan binti Abdul Jabar ke atas harta adalah sah dari hukum syarak. Responden dalam kes ini tidak berpuas hati dengan keputusan YA hakim bicara, Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh dan memfailkan rayuan di bawah seksyen 56 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 pada 24 Oktober 2016 di Mahkamah Rayuan Syariah Ipoh. Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dalam alasan penghakimannya menolak rayuan perayu dengan menyatakan lima (5) sebab iaitu, pertama; panel rayuan berpuas hati bahawa tiada pelanggaran atau ketidakpatuhan mana-mana peruntukan undang-undang yang dilakukan di peringkat mahkamah bicara. Kedua; panel rayuan menerima bahawa lafaz ijab dan qabul yang dilakukan oleh responden dan simati adalah sah di sisi hukum syarak. Ketiga; panel rayuan berpandangan tidak timbul isu pemilikan tidak sempurna di pihak si mati kerana isu pelepasan gadaian adalah tertakluk di bawah skop pelaksanaan tindakan selepas berlakunya akad hibah. Keempat; panel rayuan mendapati perayu tidak membangkitkan semasa perbicaraan di hadapan YA hakim bicara berkaitan hibah yang dibuat oleh simati dalam keadaan maradul maut dan kelima; panel rayuan mendapati persoalan ikrar responden sama ada dibuat dalam keadaan status seorang yang muflis tidak dibangkitkan oleh perayu dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah. Menyedari hakikat di atas, perayu dalam kes ini menggunakan bidang kuasa rayuan di bawah seksyen 56(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 untuk memfailkan notis rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah di Ipoh. Kemudian YA Panel Rayuan, Mahkamah Rayuan Syariah sebulat suara telah menolak permohonan perayu dan mengekalkan keputusan YA Hakim, Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh dengan alasan-alasan yang dinyatakan sebelum ini.

BIDANG KUASA RAYUAN DI MAHKAMAH UTAMA SYARIAH NEGERI PERAK

Mahkamah Utama Syariah telah diberi kuasa untuk mendengar rayuan atau mendengar permohonan kebenaran merayu dari keputusan yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah. Bidang kuasa mendengar rayuan Mahkamah Utama Syariah Negeri Perak telah diperuntukkan di bawah seksyen 29 (1) (2) (3) (4) (5) & (6) Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018 dan satu-satunya mahkamah yang tertinggi dalam struktur mahkamah syariah di Malaysia berbanding negeri-negeri lain. Mahkamah Utama Syariah mempunyai bidang kuasa mendengar rayuan dari keputusan yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah berhubung keputusan yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam bidang kuasa asalnya. Selain itu, Mahkamah Utama Syariah boleh atas permohonan mana-mana pihak untuk memutuskan sebarang persoalan undang-undang berkepentingan awam daripada sesuatu keputusan Mahkamah Tinggi Syariah yang dirayu keputusannya ke Mahkamah Rayuan Syariah. Dalam pada itu, Mahkamah Utama Syariah perlu memutuskan persoalan yang dirujuk setelah kebenaran merayu diberikan dan membuat satu perintah yang difikirkan adil dalam menyelesaikan sesuatu rayuan. Sementara itu, seorang Hakim Mahkamah Utama Syariah boleh mendengar sesuatu prosiding rayuan yang masih belum selesai sekiranya terdapat arahan yang tidak melibatkan keputusan prosiding rayuan, perintah interim untuk mengelakkan daripada berlaku kemudaratan pihak-pihak sementara menunggu pendengaran prosiding, perintah jaminan kos dan menolak sesuatu prosiding atas keengganan memberikan jaminan. Sesuatu permohonan boleh dibuat dalam tempoh 10 hari sekiranya terdapat pihak yang tidak berpuas hati dengan perintah setelah

keputusan itu disampaikan, disahkan, diubah atau dilepaskan oleh mahkamah.

Keputusan kes rayuan yang menggunakan peruntukan bidang kuasa rayuan di Mahkamah Utama Syariah boleh dilihat dalam kes berkaitan harta sepencarian. Dalam kes *Essah binti Mohamad lwn. Mad Noor bin Lamin [2022] BHG. 1. JSP*. Perayu telah memfailkan notis permohonan kebenaran merayu di Mahkamah Utama Syariah terhadap suatu keputusan Mahkamah Rayuan Syariah yang telah menolak permohonan bantahan awal yang difailkan oleh perayu. Responden dalam kes ini tidak berpuas hati dengan perintah harta sepencarian yang diputuskan di Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh pada 2 Mac 2009. Responden kemudiannya memfailkan permohonan lanjut tempoh pemfailan notis rayuan dan telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh. Namun, responden tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh dan memfailkan permohonan semakan ke Mahkamah Rayuan Syariah namun ditolak. Hakim Mahkamah Rayuan Syariah mengarahkan responden untuk memfailkan rayuan di mahkamah yang sama. Kemudian, responden memfailkan notis rayuan dan prosiding rayuan berlangsung sehingga pemfailan dan penyerahan rekod rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah. Namun perayu memfailkan permohonan bantahan awal terhadap isu ketakaturan prosiding pemfailan dan penyempurnaan notis rayuan. Permohonan bantahan awal oleh perayu ini telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan Syariah. Perayu seterusnya memfailkan permohonan kebenaran merayu ke Mahkamah Utama Syariah dan panel hakim mahkamah tersebut telah sebulat suara membenarkan permohonan kebenaran merayu. Perayu dalam kes ini telah menggunakan seksyen 29 (2) Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018 untuk

membuat permohonan kebenaran merayu di Mahkamah Utama Syariah Perak. Kemudian Panel Hakim, Mahkamah Utama Syariah sebulat suara membenarkan permohonan perayu untuk kes ini dirayu dengan alasan mengambil pendekatan membantu kedua-dua belah pihak dengan persetujuan mereka.

KELAYAKAN DAN KEANGGOTAAN HAKIM MAHKAMAH UTAMA SYARIAH

Menyentuh tentang kelayakan Hakim Mahkamah Utama Syariah Perak. Penulis merujuk seksyen 10 (2) (a) & (b) (i) (ii) Enakmen Mahkamah Syariah Perak yang menyatakan bahawa Hakim Mahkamah Utama Syariah layak dilantik sekiranya dia seorang warganegara Malaysia yang pernah memegang jawatan sebagai seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah; atau bagi tempoh dua puluh tahun sebelum pelantikannya, beliau pernah berkhidmat dalam perkhidmatan perundangan dan kehakiman atau pernah bertugas dalam bidang syariah atau undang-undang serta berpengetahuan dalam hukum syarak. Oleh itu, kelayakan Hakim Mahkamah Utama Syariah mestilah seorang warganegara Malaysia yang sebelum ini pernah memegang jawatan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan pernah berkhidmat dalam bidang kehakiman dan perundangan selama dua puluh tahun serta mahir dalam hukum syarak.

Pada masa ini, Mahkamah Utama Syariah Perak dan Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan mempunyai beberapa keanggotaan untuk mendengar rayuan. Keanggotaan Hakim Mahkamah Utama Syariah telah diperuntukkan di bawah seksyen 31 (1) Enakmen Mahkamah Syariah Perak. Manakala keanggotaan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan telah diperuntukkan di bawah seksyen 54 (1) Akta Pentadbiran Undang-

Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Peruntukan tersebut menyebut sesuatu rayuan dalam Mahkamah Utama Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan boleh didengar dan diputuskan oleh seorang pengerusi dan dua orang hakim yang ditentukan oleh Ketua Hakim Syarie. Perbezaan keanggotaan antara Mahkamah Utama Syariah dengan Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan boleh dilihat pada keanggotaan hakim semasa dalam prosiding mendengar rayuan iaitu di Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan terhad kepada tiga (3) orang hakim sahaja, sedangkan di Mahkamah Utama Syariah tidak terhad kepada (3) orang hakim dan boleh besar bilangannya dalam jumlah yang ganjil sebagaimana ditetapkan oleh Ketua Hakim Syarie daripada kalangan Hakim Mahkamah Utama Syariah. Oleh itu, terdapat perbezaan dari sudut undang-undang berkaitan keanggotaan Hakim Mahkamah Utama Syariah dengan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dari segi prosiding mendengar rayuan iaitu terhad kepada tiga (3) orang hakim bagi Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan dan tidak terhad kepada (3) orang hakim bagi Mahkamah Utama Syariah Perak.

PELANTIKAN HAKIM MENURUT KEHAKIMAN ISLAM DAN UNDANG-UNDANG

Pemerintah sebuah negara mempunyai kuasa untuk memilih hakim. Kuasa melantik hakim di dalam sebuah negara berada di tangan pemerintah seperti khalifah atau sultan. Dalam hal ini, sekiranya penduduk di sebuah negeri mencapai kata sepakat untuk melantik seseorang menjadi hakim, maka lantikan itu tidak sah. Ini berbeza sekiranya mereka melantik sultan yang baru selepas sultan yang lama telah mangkat (Ibn Abidīn, 1979). Sementara itu, hak dan kuasa untuk melantik seorang hakim boleh dilaksanakan dengan

salah satu cara iaitu, pertama; pelantikan yang dibuat oleh amirul mukminin atau gabenor. Kedua; pelantikan oleh individu yang adil, berpendidikan tinggi dan mempunyai pengaruh dalam masyarakat, serta individu yang bakal dilantik itu mestilah memenuhi syarat. Namun begitu, cara ini boleh dilakukan sekiranya hubungan masyarakat dengan pemerintah terputus (Ibn Farqun, 1966). Kesimpulannya, pemerintah atau sultan sahaja yang diberi kuasa untuk membuat pelantikan hakim di dalam sebuah negara. Sungguhpun demikian, rakyat boleh melantik hakim dalam keadaan darurat. Menyentuh tentang dalil al-Quran berkaitan dengan pelantikan seorang hakim adalah berdasarkan firman Allah SWT sebagaimana berikut:

“Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka.” (Surah an-Nissa 4: 65)

Ibn Kathīr, (1988) menerangkan bahawa Allah SWT bersumpah dengan menyebut diri-Nya bahawa tidak akan ada orang yang beriman sebelum Allah SWT melantik Rasulullah SAW sebagai hakimnya dalam semua urusan. Tambahan pula, semua yang diputuskan oleh Rasulullah SAW adalah perkara yang hak dan wajib diikuti zahir dan batin.

Berdasarkan kepada dalil dan pandangan fuqaha di atas, dapat disimpulkan bahawa pemerintah dalam sebuah kerajaan boleh melantik seorang hakim secara mutlak. Namun, apa yang menjadi amalan dan proses pelantikan hakim di mahkamah syariah di Malaysia pada hari adalah berbeza dengan apa yang dibincangkan oleh para fuqaha. Dalam konteks kehakiman syariah masa kini, Ketua Agama Islam bagi setiap negeri di Malaysia boleh melantik seorang hakim sebagaimana yang diperuntukan di dalam

undang-undang negeri masing-masing. Dalam melantik Hakim Mahkamah Utama Syariah dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah di Negeri Perak, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak boleh menurut budi bicaranya, selepas berunding dengan Jawatankuasa, melantik lima orang Hakim Mahkamah Utama Syariah dan tujuh orang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah sebagaimana seksyen 10 (1) & seksyen 11 (2) Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018. Manakala Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Menteri, selepas berunding dengan Majlis boleh melantik tidak lebih daripada tujuh orang Islam untuk menubuhkan suatu panel tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah bagi Wilayah Persekutuan sebagaimana seksyen 42 (1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Begitu juga dengan negeri-negeri di Malaysia, Yang di-Pertuan Agong, Sultan, Raja dan Yang di-Pertua Negeri atas nasihat Majlis boleh melantik tujuh orang Islam untuk membentuk panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah. Kesimpulannya, kebanyakan negeri-negeri di Malaysia masih belum membuat sebarang pindaan

terhadap enakmen atau akta sepertimana negeri Perak, pelantikan hakim-hakim terutamanya Hakim Mahkamah Rayuan Syariah masih dibayangi dan situasi ini terbuka untuk campur tangan oleh kuasa Menteri dan Majlis. Berbeza dengan kebebasan yang ada di Negeri Perak selepas pindaan yang dibuat pada 28 Februari 2019 dalam Enakmen Mahkamah Syariah Perak 2018 iaitu bidang kuasa perlantikan Hakim Mahkamah Utama Syariah dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah terletak dibawah satu Jawatankuasa yang di pengerusikan oleh Ketua Hakim Syarie Negeri Perak dan lima orang yang lain sebelum berunding dengan DYMM Sultan Perak.

PROSEDUR RAYUAN MENURUT AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1998 DAN HUKUM SYARAK

Dalam Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah telah dinyatakan di dalam bahagian 17 berkaitan prosedur rayuan sebagaimana jadual berikut:

JADUAL 1: Prosedur Rayuan dalam Bahagian Ke 17 (XVII) ATMMS (Wilayah Persekutuan) 1998

Seksyen	Prosedur	Seksyen	Prosedur
139	Notis Rayuan	143	Rekod rayuan jika perayu tidak diwakili atau merayu sebagai orang miskin
140	Notis rayuan balas	144	Penggantungan pelaksanaan sementara menanti rayuan
141	Alasan rayuan	145	Penghakiman hendaklah menyatakan alasan
142	Rekod rayuan jika perayu diwakili	146	Pelaksanaan penghakiman atas rayuan

Sumber: Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998

Jadual 1 di atas menunjukkan lapan (8) seksyen berkaitan prosedur rayuan yang terdapat di dalam Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah. Rayuan boleh dimulakan sekiranya terdapat pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan

mahkamah rendah. Keputusan mahkamah tersebut berlaku selepas hakim membuat keputusan berdasarkan kepada pemahaman dan analisisnya tentang fakta dan bukti yang dibentangkan semasa prosiding berlangsung (Mohd Badrul, 2022). Prosedur rayuan boleh

dimulai dengan memfailkan notis rayuan oleh perayu dan notis rayuan balas oleh responden sekiranya ada. Setelah perayu mendapatkan alasan penghakiman dan nota keterangan dari mahkamah, perayu perlu membuat alasan rayuan dengan menyediakan rekod rayuan. Namun, timbul persoalan adakah prosedur rayuan yang terdapat di dalam Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah yang diamalkan di mahkamah syariah pada hari ini selari dengan kehendak hukum syarak atau sebaliknya. Justeru, penulis akan menganalisis secara kritis setiap prosedur rayuan yang bertepatan dengan hukum syarak berdasarkan kepada dalil al-Quran dan al-Sunnah.

Dalam memulakan sesuatu tindakan rayuan di mahkamah syariah, perayu perlu memfailkan notis rayuan di mahkamah yang mendengar rayuan. Menurut Seksyen 139 (2), suatu rayuan hendaklah difailkan dengan menggunakan notis rayuan sebagaimana borang MS 29. Seksyen 139 (3) menyebut perayu boleh merayu terhadap keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada keputusan. Selain itu, seksyen 139 (4) menyatakan notis rayuan perlu difailkan dalam masa 14 hari dari hari keputusan diumumkan, perayu boleh menyatakan dalam notis rayuannya merayu sama ada keseluruhan atau sebahagian, dan merayu bahagian mana yang hendak rayu dalam keputusan tersebut. Sementara itu, seksyen 139 (5) menyebut mahkamah yang menyebabkan keputusan tersebut dirayu setelah menerima notis rayuan dan perayu telah dibayar fi yang ditetapkan, mahkamah bolehlah memberikan kepada perayu salinan nota keterangan dan alasan penghakiman yang telah diperakui. Dalam pada itu, seksyen 139 (6) menyebut sebaik sahaja nota keterangan dan alasan penghakiman itu siap, mahkamah bolehlah memberitahu perayu dengan menggunakan borang MS 30. Di samping itu, seksyen 139 (7) (a) & (b)

menyebut dalam masa tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan nota keterangan dan alasan penghakiman di bawah sub seksyen (6), perayu bolehlah melainkan sekiranya diperintahkan oleh mahkamah menandatangani ke mahkamah sejumlah wang yang telah ditetapkan oleh pendaftar untuk menampung kos dalam menyediakan beberapa salinan rekod rayuan yang cukup bagi kegunaan mahkamah yang mendengar rayuan dan pihak-pihak dalam rayuan tersebut serta simpanan mahkamah. Lebih penting lagi, seksyen 139 (8) menyebut notis rayuan bolehlah disampaikan kepada perayu dalam masa yang telah ditetapkan untuk diserahkan kepada semua pihak yang terlibat dengan rayuan tersebut atau kepada peguam syarie masing-masing. Oleh itu, pihak-pihak mempunyai hak untuk membuat rayuan sekiranya tidak berpuas hati pada keputusan mahkamah. Pihak-pihak boleh memfailkan notis rayuan di mahkamah yang mendengar rayuan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh keputusan dikeluarkan. Selepas menerima notis rayuan, hakim perlu menyediakan nota keterangan dan alasan penghakiman dalam tempoh 8 minggu untuk diserahkan kepada perayu untuk membuat alasan rayuan dan menyediakan rekod rayuan. Perayu perlu membayar semua dokumen yang difailkan mahkamah.

Menyentuh tentang asas syarak yang mempunyai kaitan dengan notis rayuan adalah berdasarkan firman Allah SWT berkaitan pemberian surat oleh Nabi Sulaiman kepada Ratu Saba'. Oleh itu, firman Allah SWT sebagaimana berikut:

“Pergilah bawa suratku ini, serta campakkanlah kepada mereka, kemudian berundurlah dari mereka; dalam pada itu perhatikanlah apa tindak balas mereka.” (Surah An-Naml 27: 28).

Al-Ṭabarī, (2000) menerangkan bahawa Nabi Sulaiman a.s telah

memerintahkan burung hud-hud pergi bawa surat ini kepada Ratu Saba', kemudian melemparkan surat itu kepada mereka. Kemudian berpalinglah dari mereka untuk mendekati mereka dan lihatlah reaksi mereka. Sementara itu, kaitan dalil syarak dengan prosedur ini telah berlaku proses penyampaian surat kepada pihak satu lagi. Begitu juga dalam prosedur ini, notis rayuan merupakan suatu pemberitahuan kepada pihak satu lagi tentang perasaan tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah. Namun, perayu dalam memfailkan notis rayuan perlu menyatakan bahagian mana yang hendak dirayu. Oleh itu, penulis berpandangan bahawa notis rayuan dalam seksyen 139 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah ini adalah bertepatan dengan hukum syarak.

Responden boleh memfailkan notis rayuan balas sekiranya tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah. Menurut seksyen 140, responden dalam mana-mana rayuan dalam masa tujuh hari selepas menerima notis rayuan dari perayu, responden boleh memfailkan ke mahkamah yang mendengar rayuan satu notis rayuan balas dengan menggunakan borang MS 31 dan diserahkan kepada perayu. Borang tersebut hendaklah menyatakan tentang cadangan responden dalam mengemukakan hujjah pada bahawa keputusan yang dirayukan itu patut diubah. Oleh itu, responden yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah mempunyai hak yang sama seperti perayu dengan memfailkan notis rayuan balas selepas responden menerima notis rayuan daripada perayu. Responden boleh memberikan cadangan atau mengemukakan hujjah bahawa keputusan mahkamah perlu diubah atau sebagainya. Pemfailan notis rayuan balas tersebut hendaklah difailkan mahkamah yang mendengar rayuan dengan menggunakan Borang MS 31.

Bertitik tolak daripada prosedur di atas, asas syarak yang boleh dikaitkan dengan notis rayuan balas adalah berdasarkan firman Allah SWT berkaitan penghuni neraka jahanam merayu kepada Allah supaya diringankan azabnya. Oleh itu, firman Allah SWT sebagaimana berikut:

“Dan (ingatkanlah perkara yang berlaku) semasa orang-orang yang kafir dan yang menderhaka berbantah-bantahan dalam neraka, iaitu orang-orang yang lemah (yang menjadi pengikut) berkata kepada pemimpin-pemimpinnya yang sombong takbur, ‘Sesungguhnya kami telah menjadi pengikut-pengikut kamu, maka dapatkah kamu menolak dari kami sebahagian daripada azab neraka ini?’ Orang-orang yang sombong angkuh itu menjawab, ‘Sebenarnya kita semua menderita bersama-sama dalam neraka (tidak ada jalan untuk kita melepaskan diri), kerana sesungguhnya Allah telah menetapkan hukumanNya di antara sekalian hambaNya.’ Dan berkatalah pula orang-orang yang ada dalam neraka kepada malaikat-malaikat penjaga neraka Jahannam, ‘Pohonkanlah kepada Tuhan kamu, supaya ia meringankan sedikit azab seksa dari kami, barang sehari.’ Malaikat penjaga neraka menjawab, ‘Bukankah kamu telah didatangi Rasul-rasul kamu dengan membawa keterangan-keterangan (yang menyatakan akibat perbuatan derhaka kamu)?’ Mereka menjawab, ‘Ya, telah datang.’ Malaikat itu berkata, ‘Jika demikian, maka berdoalah kamu sendiri.’ Dan doa permohonan orang-orang yang kafir pada saat ini hanya menyebabkan mereka berada dalam keadaan dukacita dan kecewa sahaja.” (Surah Ghafir 40: 47-50)

Al-Ṭabarī, (2000) menerangkan bahawa penghuni neraka jahanam berkata kepada para penjaganya, memohon pertolongan kepada mereka kerana dahsyatnya azab yang menimpa mereka. Mereka berharap mendapatkan jalan keluar walaupun satu hari supaya diringankan dari azab yang sedang mereka rasakan. Sementara itu, persamaan dalil syarak dengan prosedur ini telah berlaku proses rayuan oleh penghuni

neraka untuk diringankan azabnya. Begitu juga, sekiranya responden tidak berpuas hati dengan keputusan yang diputuskan, responden berhak untuk memfailkan notis rayuan balas kepada mahkamah. Justeru, penulis berpandangan bahawa notis rayuan balas dalam seksyen 140 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah ini adalah bertepatan dengan hukum syarak.

Perayu boleh menyatakan sebarang kekhilafan mengenai keputusan mahkamah di dalam alasan rayuan. Menurut seksyen 141(1) menyatakan bahawa dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan nota keterangan dan alasan penghakiman, perayu perlu mengemukakan alasan rayuan dalam lima salinan kepada pendaftar mahkamah yang menyebabkan keputusan rayuan itu dibuat dan dialamatkan kepada mahkamah yang mendengar rayuan itu. Sementara itu, seksyen 141 (2) menyebut setiap alasan rayuan perlu menyatakan dengan ringkas isi keputusan yang dirayukan dengan mengandungi butir-butir yang jelas tentang undang-undang atau fakta-fakta yang berkaitan dengan rayuan, perayu tidak boleh semasa pendengaran rayuan menambah apa-apa alasan selain alasan-alasan yang dinyatakan dalam alasan rayuan itu kecuali dengan kebenaran mahkamah yang mendengar rayuan. Oleh itu, perayu mempunyai hak untuk meluahkan rasa tidak puas hati beliau dengan mencatatkan segala fakta atau persoalan undang-undang yang mempunyai kaitan dengan kes tersebut di dalam alasan rayuan. Selain itu, perayu perlu menyediakan lima salinan alasan rayuan dan perlu diserahkan kepada mahkamah serta responden.

Apabila ditinjau dari aspek syarak berkaitan alasan rayuan adalah berdasarkan firman Allah SWT mengenai alasan tiga orang sahabat Rasulullah SAW yang tidak

mahu ikut berperang. Oleh itu, firman Allah SWT sebagaimana berikut:

“Dan (Allah menerima pula taubat) tiga orang yang ditanggihkan (penerimaan taubat mereka) hingga apabila bumi yang luas ini (terasa) sempit kepada mereka (kerana mereka dipulaukan), dan hati mereka pula menjadi sempit (kerana menanggung dukacita), serta mereka yakin bahawa tidak ada tempat untuk mereka lari dari (kemurkaan) Allah SWT melainkan (kembali bertaubat) kepadaNya; kemudian Allah SWT (memberi taufiq serta) menerima taubat mereka supaya mereka kekal bertaubat. Sesungguhnya Allah SWT dia lah penerima taubat lagi maha mengasihani.” (Surah at-Tawbah 9: 118)

Al-Ṭabarī, (2000) menerangkan bahawa Allah SWT menerima taubat tiga orang (Ka’ab bin Malik, Murarah bin Ar-Rabi dan Hilal bin Umayyah) yang senjaga Allah SWT tunda penerimaan taubat mereka. Allah SWT membuat mereka berharap agar taubat mereka diterima dan mereka adalah orang-orang yang tidak ikut berperang (Tabuk) bersama Rasulullah SAW dengan meminta maaf dan mengemukakan alasan mereka tidak ikut serta bersumpah di hadapan Rasulullah SAW. Sementara itu, kaitan dalil syarak dengan prosedur ini telah berlaku pemberitahuan alasan oleh sahabat Rasulullah SAW yang tidak mahu ikut sama untuk berperang. Begitu juga dalam prosedur ini, alasan rayuan merupakan suatu pemberitahuan seseorang yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah. Namun, perayu dalam menyatakan pembelaan perlu menyenaraikan kekhilafan mahkamah berdasarkan keputusan tersebut. Oleh itu, penulis berpandangan bahawa alasan rayuan dalam seksyen 141 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah ini adalah bertepatan dengan hukum syarak.

Perayu atau wakilnya perlu menyediakan rekod rayuan. Menurut seksyen

142 (1), sekiranya perayu diwakili oleh Peguam Syarie, maka Peguam Syarie hendaklah menyediakan rekod rayuan dan mematuhi kehendak seksyen sebelum ini. Dalam menyediakan rekod rayuan, Peguam Syarie perlu menyediakan salinan pliding, nota keterangan, alasan penghakiman, notis rayuan, alasan rayuan, semua ekshibit dokumenter dan senarai ekshibit bukan dokumenter jika ada, yang diserahkan di mahkamah. Selain itu, seksyen 142 (2) menyebut dua salinan rekod rayuan hendaklah difailkan di mahkamah yang mendengar rayuan dan dalam masa enam minggu selepas menerima daripada mahkamah yang dirayu nota keterangan dan alasan penghakiman yang telah siap. Sementara itu, seksyen 142 (3) menyatakan bahawa perayu hendaklah dalam tempoh yang ditetapkan memfailkan rekod rayuan dengan menyampaikan suatu salinannya kepada setiap pihak yang menerima notis rayuan. Oleh itu, pengkaji membuat kesimpulan bahawa Peguam Syarie yang dilantik oleh perayu mestilah menyediakan dua salinan rekod rayuan yang mengandungi dokumen-dokumen rayuan sebagaimana yang diminta untuk disatukan dalam pliding dan difailkan di mahkamah yang mendengar rayuan serta menyerahkan sesalinan kepada responden setelah pembayaran dibuat oleh Peguam Syarie perayu.

Mahkamah perlu menyediakan rekod rayuan bagi perayu yang tidak diwakili oleh Peguam Syarie. Menurut seksyen 143 (1), sekiranya perayu tidak diwakili oleh Peguam Syarie dan perayu telah mematuhi kehendak seksyen sebelum ini, mahkamah yang mendengar rayuan telah memperakui dan membenarkan perayu merayu sebagai orang miskin. Maka mahkamah yang menyebabkan keputusan itu dirayu perlu menyediakan salinan rekod rayuan kepada perayu dan rekod rayuan itu mestilah mengandungi salinan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Bukan itu sahaja, seksyen 143 (2) menyebut bahawa sebaik sahaja rekod rayuan itu siap, mahkamah yang menyebabkan keputusan dirayu perlu menyampaikan rekod rayuan kepada perayu melalui notis dengan menggunakan borang MS 32. Selanjutnya, seksyen 143 (3) (a) & (b) pula menyebut atas permintaan perayu dan sekiranya deposit yang disebut dalam sub seksyen 139 (7) tidak mencukupi, perayu perlu membayar sejumlah wang tambahan yang cukup untuk membayar kos bagi menyediakan rekod rayuan, pendaftar perlu memberi kepada perayu suatu salinan rekod rayuan dan salinan tambahan yang cukup untuk diserahkan kepada responden atau responden-responen; dan perayu perlu menghantar kepada mahkamah yang mendengar rayuan itu salinan rekod rayuan. Oleh itu, apabila perayu tidak diwakili oleh mana-mana Peguam Syarie dalam kes rayuannya dan sukar bagi perayu untuk menyediakan rekod rayuan. Perayu perlu membuat permohonan affidavit di mahkamah untuk mendapatkan satu keputusan pengisytiharan bahawa perayu merupakan orang miskin. Setelah perayu mendapat satu keputusan bahawa perayu telah diisytiharkan oleh mahkamah yang mendengar rayuan itu sebagai orang miskin. Mahkamah yang menyebabkan keputusan tersebut dirayu perlu menyediakan rekod rayuan sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang.

Bertitik tolak daripada kenyataan di atas, asas syarak yang boleh dikaitkan dengan rekod rayuan adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang dilaporkan oleh Hudzaifah r.a berkaitan Rasulullah SAW memerintahkan para sahabat untuk mengumpulkan nama-nama yang sudah masuk Islam sebagaimana berikut:

“Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam bersabda, ‘Tuliskan untukku nama-nama

orang yang sudah menyatakan masuk Islam.’ Maka kami menuliskannya untuk beliau sebanyak seribu lima ratus orang laki-laki. Kami berkata, ‘Kami masih merasakan kekhawatiran dengan jumlah kami sebanyak seribu lima ratus itu karena aku pernah melihat betul keadaan kami saat diuji, hingga ada seorang yang solat sendirian dalam keadaan ketakutan.’ (al-Bukhariy. Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jihad Walmasira, Bab Kitab al-Imam al-Naas).

Al-‘Asqalānī (1997) menjelaskan bahawa terdapat usaha untuk mengabungkan orang yang telah masuk Islam sama ada lelaki, perempuan dan anak kecil daripada 1500 orang tersebut. Sementara itu, seramai 500 orang penduduk Madinah yang mahu berperang dan selebihnya (600 sampai 700) adalah penduduk Madinah secara umum. Sehubungan dengan itu, kaitan hadis dengan prosedur ini telah berlaku proses pengumpulan nama-nama ketika Rasulullah SAW memerintahkan sahabat untuk mengumpulkan nama-nama yang telah memeluk Islam. Begitu juga dalam prosedur ini, sekiranya hendak mengumpulkan sesuatu dokumen, dokumen tersebut hendaklah dikumpulkan dan disatukan di dalam satu tempat iaitu rekod rayuan. Oleh itu, penulis berpandangan bahawa rekod rayuan dalam seksyen 142 dan 143 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah ini adalah bertepatan dengan hukum syarak.

Perayu boleh membuat permohonan penggantungan keputusan di mahkamah yang mendengar rayuan. Seksyen 144 menyebut pemfailan suatu notis rayuan tidaklah berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan, tetapi mahkamah boleh atas permohonan dari mana-mana pihak dan mempunyai sebab yang mencukupi setelah dikemukakan kepadanya, perayu boleh memohon pengantungan pelaksanaan keputusan atas apa-apa terma sebagaimana yang dipikirkannya patut. Oleh itu, sekiranya

mahkamah memberikan sesuatu keputusan yang menyebabkan keputusan tersebut perlu dilaksanakan dengan segera, pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan itu boleh memohon kepada mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa terhadap kes tersebut membuat permohonan penggantungan keputusan sehingga terdapat keputusan daripada mahkamah yang mendengar rayuan.

Menyentuh tentang asas syarak yang bertepatan dengan penggantungan pelaksanaan sementara menanti rayuan adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad berkaitan kisah Zubyah al-Assad. Oleh itu, Rasulullah SAW bersabda sebagaimana berikut:

“Sesungguhnya aku akan memutuskan perkara di antara kamu, jika kamu redha dan itu merupakan sebaik-baik keputusan. Tetapi sekiranya kamu tidak redha, maka masing-masing harus menahan diri hingga bertemu dengan Rasulullah SAW.” (Musnad Ahmad ibn Hanbal, Kitab Musnad al-Asarah al-Mubasyirin bil Jannah, Bab Musnad Ali bin Abu Thalib r.a)

Al-Shawkani, (1993) menjelaskan bahawa Ali r.a telah membuat keputusan berkaitan pembahagian pampasan kepada wakil kabilah yang telah jatuh ke dalam lubang dan menyebabkan kematian. Ali r.a membuat keputusan iaitu bagi orang pertama mendapat $\frac{1}{4}$ diyat, orang kedua mendapat sebanyak $\frac{1}{3}$ diyat, orang ketiga mendapat sebanyak $\frac{1}{2}$ diyat dan orang yang keempat mendapat satu diyat penuh. Lantaran itu, Ali r.a mengatakan, “Aku menetapkan diyat ini kepada semua yang berada di tepi telaga itu” dan mereka semua tidak berpuas hati dengan keputusan yang diputuskan oleh Ali r.a. Kemudian Ali r.a menggantung keputusan beliau untuk mereka mengadakan hal ini kepada Rasulullah SAW. Namun, persamaan

hadis dengan prosedur ini telah berlaku proses penggantungan pelaksanaan sementara menunggu keputusan ketika Ali r.a membuat keputusan dan kabilah tersebut tidak berpuas hati akan keputusan tersebut. Lantaran itu, Ali r.a menggantung keputusan beliau sebelum dirujuk kepada Rasulullah SAW. Begitu juga dalam prosedur ini, mahkamah yang mendengar rayuan boleh membuat penggantungan pelaksanaan keputusan apabila terdapat permohonan dari pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut. Oleh itu, penulis berpandangan bahawa penggantungan pelaksanaan sementara menanti rayuan dalam seksyen 144 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah ini adalah bertepatan dengan hukum syarak.

Mahkamah perlu menyediakan alasan penghakiman secara bertulis selepas keputusan diberikan. Menurut seksyen 145, mahkamah yang mendengar rayuan hendaklah menyatakan alasan penghakimannya secara bertulis. Oleh itu, mahkamah yang mendengar rayuan pada masa pengakhiran kes perlu menulis hujah kes tersebut sama ada rayuan perayu ditolak atau diterima. Penghujahan keputusan tersebut hendaklah ditulis oleh mahkamah yang memberikan keputusan rayuan dalam alasan penghakiman.

Bertitik tolak daripada prosedur di atas, asas syarak yang mempunyai kaitan dengan penghakiman hendaklah menyatakan alasan adalah berdasarkan firman Allah SWT berkaitan Nabi Yusuf a.s menyatakan alasan dalam penghakimannya. Oleh itu, firman Allah SWT sebagaimana berikut:

“Mereka berkata, ‘Kalau dia mencuri, maka (tidaklah pelik), kerana sesungguhnya saudara kandungnya pernah juga mencuri dahulu.’ (Mendengar kata-kata yang menyinggung itu) maka Nabi Yusuf

a.s pun menyembunyikan perasaannya, dan tidak menyatakannya kepada mereka, sambil berkata (dalam hati), ‘Kamulah yang lebih buruk keadaannya, dan Allah SWT Maha Mengetahui akan apa yang kamu katakan itu.’ Mereka merayu dengan berkata, ‘Wahai datuk menteri! Sesungguhnya ia (Bunyamin), mempunyai bapa yang sudah tua, lagi berpangkat. Oleh itu, ambillah salah seorang di antara kami sebagai gantinya; sesungguhnya kami memandangi dari orang-orang yang sentiasa berbudi.’ Yusuf berkata, ‘Kami berlindung kepada Allah SWT daripada mengambil sesiapaupun kecuali orang yang kami dapati barang kami dalam simpanannya. Sesungguhnya jika kami mengambil orang lain, nescaya menjadilah kami orang-orang yang zalim.’ (Surah Yusuf 12: 76-79)

Ibn Kathīr, (1988) menerangkan bahawa mereka minta belas kasihan kepada Nabi Yusuf a.s agar Bunyamin dilepaskan kerana ayah beliau sangat mencintainya dan menjadikannya sebagai hiburan. Mereka mengatakan ambillah salah seorang dari kami sebagai ganti untuk ditahan olehmu. Nabi Yusuf a.s menolak permintaan mereka dengan memberikan alasan sekiranya kami mengambil orang yang tidak bersalah sebagai ganti dari orang yang bersalah, bermaksud kami benar-benar orang yang zalim. Sehubungan dengan itu, kaitan asas syarak dengan prosedur ini telah berlaku alasan dalam membuat keputusan. Begitu juga dalam prosedur ini, mahkamah boleh memberikan alasan penghakiman apabila hendak memberikan keputusan. Oleh itu, penulis berpandangan bahawa penghakiman hendaklah menyatakan alasan dalam seksyen 145 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah ini adalah bertepatan dengan hukum syarak.

Mahkamah yang menyebabkan keputusan itu dirayu perlu melaksanakan

keputusan rayuan. Seksyen 146 menyebut sekiranya salah satu pihak telah mengambil perintah mahkamah yang mendengar rayuan dan telah mengemukakan perintah itu kepada mahkamah yang terhadap keputusan rayuan itu dibuat, mahkamah yang menyebabkan keputusan dirayu hendaklah melaksanakan perintah itu mengikut peruntukan enakmen ini. Oleh itu, mahkamah yang mendengar rayuan perlu menyerahkan sesalinan keputusan kepada mahkamah yang menyebabkan keputusan tersebut dirayu supaya mahkamah tersebut dapat melaksanakan keputusan yang diputuskan oleh mahkamah yang mendengar rayuan.

Bertitik tolak daripada kenyataan di atas, asas syarak yang berkaitan dengan pelaksanaan penghakiman atas rayuan adalah berdasarkan firman Allah SWT berkaitan dua orang pemuda yang berselisih melaksanakan keputusan yang diputuskan oleh Nabi Sulaiman setelah dirayu oleh mereka. Oleh itu, firman Allah SWT sebagaimana berikut:

“Maka kami beri Nabi Sulaiman a.s memahami hukum yang lebih tepat bagi masalah itu; dan masing-masing (dari mereka berdua) kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu (yang banyak); dan kami mudahkan gunung-ganang dan unggas memuji kami bersama-sama dengan Nabi Daud; dan adalah kami berkuasa melakukan semuanya itu.” (Surah al-Anbiya 21: 78-79)

Al-Ṭabarī, (2000) menerangkan bahawa Nabi Sulaiman a.s telah memberikan keputusan kepada pihak yang bertikai untuk dilaksanakan. Baginda berkata, “Engkau berikan kambing tersebut kepada pemilik kebun untuk mengambil susunya, minyak lemaknya dan bulunya. Kemudian, berikan kebun tersebut kepada pemilik kambing agar dapat menguruskan kebun dan hasil tanaman kembali seperti sediakala, kambing tersebut mesti diberikan kepada pemiliknya dan kebun tersebut mestilah dipulangkan kepada

pemiliknya.” Namun, kaitan hadis dengan prosedur ini bahawa keputusan rayuan yang diberikan oleh Nabi Sulaiman telah dilaksanakan oleh dua orang pemuda tersebut. Begitu juga dalam prosedur ini, mahkamah yang menyebabkan keputusan itu dirayu perlu melaksanakan keputusan rayuan yang diperintahkan oleh mahkamah yang mendengar rayuan. Justeru, penulis berpandangan bahawa pelaksanaan keputusan atas rayuan dalam seksyen 146 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah ini adalah bertepatan dengan hukum syarak.

KESIMPULAN

Secara umumnya, mahkamah syariah di Malaysia mempunyai bidang kuasa mendengar rayuan iaitu Mahkamah Tinggi Syariah mendengar rayuan dari keputusan Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah boleh mendengar rayuan dari apa-apa keputusan yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Utama Syariah boleh mendengar rayuan dari keputusan Mahkamah Rayuan Syariah dari Negeri Perak sahaja. Selain itu, terdapat sedikit perbezaan dan penambahbaikan bidang kuasa mendengar rayuan Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Utama Syariah di dalam Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dan Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018. Kajian juga mendapati setiap prosedur rayuan yang terdapat di dalam Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah seperti notis rayuan, notis rayuan balas, alasan rayuan, rekod rayuan, rekod rayuan perayu jika perayu diwakili atau tidak diwakili, penggantungan pelaksanaan sementara menanti rayuan, penghakiman hendaklah menyatakan alasan dan pelaksanaan penghakiman atas rayuan bertepatan dengan kehendak hukum syarak.

Kajian ini menyumbang kepada penemuan asas syarak bagi setiap prosedur rayuan di dalam Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah di samping mengenal pasti justifikasi syarak yang diamalkan pada setiap prosedur rayuan tersebut. Namun, amalan prosedur rayuan pada masa kini telah berkembang dan selari dengan hukum syarak. Ini menunjukkan bahawa prosedur rayuan yang diamalkan di mahkamah syariah pada masa kini bersifat progresif dalam menerima pembaharuan undang-undang bagi memantapkan lagi sistem rayuan di mahkamah syariah di Malaysia.

PENGHARGAAN

Makalah ini ialah satu daripada hasil kajian bagi penghasilan tesis Doktor Falsafah (Undang-Undang) bertajuk, ‘Pemeriksaan Prosedur Rayuan di Mahkamah Syariah di Malaysia’ dan penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pejabat Menteri Besar Johor dan Jabatan Perkhidmatan Awam atas penajaan Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa (HLPSB) atas dermasiswa kepada penulis.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada konflik kepentingan dilaporkan dalam kajian antara penulis dengan penilai.

SUMBANGAN PENULIS

Pengkonsepan, M.A.H, N.A.M.A dan M.A.S; metodologi, M.A.H, N.A.M.A dan M.A.S; perisian, M.A.H.; pengesahan, N.A.M.A dan M.A.S.; analisis formal, M.A.H, N.A.M.A dan M.A.S.; sumber, M.A.H.; penyusunan data, M.A.H, N.A.M.A dan M.A.S; penulisan, penyediaan draf asal, M.A.H.; menulis, menyemak dan menyunting, M.A.H, N.A.M.A dan M.A.S; penyeliaan, N.A.M.A dan M.A.S;

RUJUKAN

- Al-Qurān al-Karīm
Abdul Hamid bin Masidullah lwn. Norehan binti Abdul Jabbar [2022] BHG 1 JSP
Ahmad Mohamed Ibrahim. (1997). *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Akta 505, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993
- Akta 585, Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998.
- Al-‘Asqalānī, Shihāb al-Dīn Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar. (1997). *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Al-Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl al-Ju‘fi. (1989). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Al-Shawkani, Muhammad bin Ali bin Muhammad. (1993). *Nail al-Awtar*. Dar al-Hadith.
- Azmee Hussin & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2013). Pengesahan Lafaz Talaq Tiga: Sorotan Melalui Penghakiman Kes di Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dlm. *Jurnal Hukum*, 37(1), 1-28.
- Busro Bahari. (1999). *Mahkamah Rayuan Syariah di Malaysia: Konsep dan perlaksanaannya: Satu Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Carrington. (1976). *Justice on Appeal*. West Publishing Co
- Enakmen No. 13, Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018.
- Essah binti Mohamad lwn. Mad Noor bin Lamin* [2022] BHG. 1. JSP
- Ibn Farqun, Ibrahīm ibn Muḥammad. 1966. *Tabsīrat al-Hukkām fī Usul al-*

- Aqdiyyah wa Manāhij al-Ahkām*. Maktabat al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- Ibn Abidīn, Muhammad Amīn. 1979. *Hāshiyāt Ibn Abidīn*. Dār al-Fikr.
- Ibn Hanbal, Ahmad ibn Hanbal. (t.th). *Musnad Ahmad ibn Hanbal*. Dar al-Tabacah wa al-Nashr
- Ibn Kathīr, Abū Fidā' Ismā'il Ibn 'Umar, al-Qurshī al-Damashqī. (1988). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*. Dār al-Rayyān li al-Turāth.
- Ibn Jarir al-Tabari. (2000). *Tafsir Al-Tabary*. Dar al-Salam.
- Intan Juliana Razali. (2001). *Prosedur Rayuan Mal di Mahkamah Syariah Terengganu*. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Mohd Badrul Awang. (2022). Kepentingan Memahami Fakta Kes Dalam Prosiding Kehakiman: Analisis dari Perspektif Kehakiman Islam. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*. 34 (2), 214-229.
- Mohd Nadzri Abdul Rahman. (2010). *Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah, Prinsip & Amalan*. (Cetakan Pertama). Karya Kreatif Resources.
- Mohamed Yusof Awang. (1988). *Kedudukan dan peranan Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan dari tahun 1966 sehingga 1988*. Kuliyyah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Siti Zubaidah Ismail. (2016). *Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah*. (Cetakan Pertama). Dewan Bahasa & Pustaka.
- Sri Utama Dewi Kasman lwn Abu Bakar bin Abdullah* [2010] BHG. 1. JH 30.
- Zulfikri Yaso. (2013). Prinsip Penyeragaman dalam Rayuan Jenayah di Mahkamah Syariah. *Jurnal Hukum*. 36(1), 2-15.